

# *Topikal Kertas 1*

**SPM 2004 - 2014**

## **PRINSIP PERAKAUNAN**

**11 Tahun Peperiksaan**

**E-Book Percuma**

Mengandungi nombor halaman  
rujukan Buku Teks untuk setiap soalan.

# **Tingkatan 5**

**PENAFIAN:** Hakcipta soalan di dalam e-book ini adalah milik Lembaga Peperiksaan Malaysia 2004 – 2014. Soalan disusun semula ke bentuk topikal untuk manfaat bersama semua guru dan pelajar Prinsip Perakaunan SPM. Tidak ada sebarang keuntungan diambil daripada penerbitan ini.

## BAB 8: PERAKAUNAN UNTUK TUNAI

1. Data 5 menunjukkan belanjawan tunai Kedai Mira bagi bulan Mac 2004.

	RM
Baki awal	12 060
<b>Penerimaan:</b>	
Penghutang	20 000
<b>Pembayaran:</b>	
Pembiutang	19 000
Upah	1 200
Sewa	400
Belanja serahan	300
Elektrik dan telefon	250
Belanja am	320

**Data 5**

Hitungkan baki akhir tunai kedai itu.

- A Lebih RM1 470
- B Lebih RM10 590
- C Kurangan RM1 470
- D Kurangan RM13 530

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 295 - Soalan 24 SPM 2004

2. Berikut merupakan situasi dalam Perniagaan Encik Daud.

**“Encik Daud menggaji dua orang kerani, seorang ditugaskan untuk merekod Buku Tunai dan seorang lagi untuk mengendalikan tunai”**

Apakah tujuan Encik Daud berbuat demikian?

- A Mengelak berlaku pembaziran
- B Mengelak penyalahgunaan tunai
- C Memastikan tunai tidak dipegang terlalu banyak
- D Memastikan perniagaan mempunyai tunai mencukupi

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 280 - Soalan 24 SPM 2005

3. Apakah yang menyebabkan baki akhir Buku Tunai berbeza dengan baki Penyata Bank?

- A Penghutang membayar terus ke akaun peniaga di bank
- B Peniaga mendebitkan dividen yang diterima di ruangan bank
- C Penerimaan cek-cek daripada pelanggan telah dikreditkan oleh pihak bank
- D Pembayaran menggunakan cek kepada pembiutang telah didebitkan oleh pihak bank

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 282, 283, 284 - Soalan 26 SPM 2006

4. Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?

- A Merekodkan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
- B Menyelaras baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank
- C Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek
- D Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk wang

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 282 - Soalan 23 SPM 2008

5. Maklumat berikut menunjukkan buku tunai (ruangan bank sahaja) dan penyata bank Puan Salmah bagi bulan Januari 2004.

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No. Cek	RM
2004			2004			
Jan 1	Baki b/b	1 880	Jan 5	Belian	020401	1 200
4	Jualan	500	15	Insurans	020402	1 500
9	En. Azad	600	25	Sewa	020403	1 000
31	Baki h/b	720				
		3 700				3 700
				Baki b/b		720

**PENYATA BANK**

Puan Salmah Ahmad  
125, Jalan Besar  
43000 Kajang

BANK KITA BHD  
4, Jalan Tebrau  
43000 Kajang

No.Akaun: 05-37783-6  
Tarikh: 03 Februari 2004

Tarikh	Butir	No. Cek	Wang Keluar (Dt)	Wang Masuk (Kt)	Baki
2004			RM	RM	RM
Jan 1	Baki b/b				1 880
4	Deposit			500	2 380
5	Cek	020401	1 200		1 180
9	Deposit			600	1 780
17	Cek	020402	1 500		280

Perbezaan antara baki buku tunai dan baki penyata bank adalah disebabkan oleh

- A cek tak layan
- B kesilapan di buku tunai
- C cek yang belum dikreditkan
- D cek yang belum dikemukakan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 284, 286 - Soalan 25 SPM 2004

6. Encik Ahmad mendapati baki buku tunai berbeza dengan baki penyata bank. Apakah yang menyebabkan perbezaan baki tersebut?

- I Caj bank
- II Cek yang belum diterima
- III Dividen yang dikreditkan ke bank
- IV Cek yang belum dikemuka

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 284 - Soalan 24 SPM 2007

7. Data 6 diperoleh daripada buku Pewangi Enterprise.

Buku Tunai (Ruangan Bank)					
		2004 Jan. 5	Angkutan (No. Cek 11011)	RM 272	
Penyata Bank (petikan)					
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2004 Jan. 10	Cek	11011	RM 222	RM	RM

**Data 6**

Jumlah angkutan telah tersalah catat dalam buku tunai.

Apakah catatan yang perlu dilakukan dalam buku tunai untuk membetulkan kesilapan itu?

- A Debit RM50
- B Kredit RM50
- C Debit RM222
- D Kredit RM222

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 283 - Soalan 25 SPM 2005

8. Encik Rafi bercadang hendak memulakan perniagaan Bengkel Basikal Alang di Kuantan pada 1 Julai 2006.

Data berikut menunjukkan petikan belanjawan tunai Encik Rafi.

Perkara	Julai	Ogos	Sept
Baki b/b			X
<b>Penerimaan:</b>			
Modal	15 000		
Pinjaman	30 000		
Jualan	1 500	7 450	8 195
Jumlah penerimaan	Y	Z	
<b>Pembayaran:</b>			
Belian	18 500	1 340	1 608
Upah	1 200	1 200	1 200
Jumlah pembayaran	19 700	2 540	2 808
Baki h/b	Q		

Berapakah nilai X?

- A RM4 910
- B RM5 387
- C RM26 800
- D RM31 710

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 295 - Soalan 27 SPM 2006

9. Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?

- A Merekod semua wang masuk dan wang keluar perniagaan
- B Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek
- C Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk wang
- D Menyelaras baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 282 - Soalan 22 SPM 2009

- 10.** Petikan Penyata Bank dan Buku Tunai berikut diperoleh daripada buku Kedai Win Tee.

**Penyata Bank (petikan)**

Tarikh	Butir	No. Cek	Wang keluar (Debit)	Wang masuk (Kredit)	Baki
2007 Mac 17		00113	RM	RM 160	RM

**Buku Tunai (Ruangank Bank)**

2007 Mac 12	Jualan (00113)	RM 610	
----------------	----------------	-----------	--

**Maklumat tambahan:**

Jumlah jualan tersalah catat dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dibuat untuk mengemas kini Buku Tunai?

- A** Debit RM160
- B** Debit RM450
- C** Kredit RM450
- D** Kredit RM610

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 288, 289 - Soalan 24 SPM 2008

- 11.** Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Zaman ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagannya untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Disember 2008. Jualan dianggarkan berjumlah RM20 000 setiap bulan di mana 40% daripadanya diberi tempoh kredit.

Berapakah anggaran jualan tunai pada bulan November?

- A** RM28 000
- B** RM20 000
- C** RM12 000
- D** RM8 000

Soalan 25 SPM 2008

- 12.** Apakah yang dimaksudkan dengan belanjawan?

- A** Satu sistem yang mengandungi prosedur untuk mengawal penerimaan dan pembayaran tunai
- B** Satu penyata yang digunakan untuk merekod urus niaga penerimaan dan pembayaran tunai
- C** Satu penyata yang disediakan untuk memastikan tunai perniagaan sentiasa mencukupi
- D** Satu anggaran penerimaan dan pembayaran tunai dalam sesuatu tempoh tertentu

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 294 - Soalan 23 SPM 2009

- 13.** Apakah fungsi belanjawan tunai kepada peniaga?

- A** Menunjukkan keadaan sebenar kewangan perniagaan
- B** Menunjukkan kedudukan anggaran tunai pada masa hadapan
- C** Menjadi panduan kepada pembiutang untuk menuntut hutang
- D** Membantu peniaga mengehadkan perbelanjaan semasa

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 294 - Soalan 25 SPM 2009

**14.** Butiran manakah yang diambil kira dalam penyediaan belanjawan tunai?

- I Pinjaman bank
- II Kadar bayaran
- III Peruntukan hutang rugu
- IV Susut nilai alatan pejabat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 294 - Soalan 24 SPM 2009

**15.** Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Gemilang Sendirian Berhad.

	RM
Baki Buku Tunai (Overdraft)	12 800
Cek belum dikemukakan	1 240
Deposit belum dikreditkan	835

Berapakah baki akhir Penyata Bank?

- A RM12 395
- B RM(12 395)
- C RM13 205
- D RM(13 205)

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 291 - Soalan 19 SPM 2010

**16.** Anggaran belian berikut dimiliki oleh Perniagaan Wawasan.

	RM
Januari	1 800
Februari	2 000
<b>Maklumat tambahan:</b>	
60 % daripada belian adalah secara tunai dan bakinya dibayar pada bulan berikutnya.	

Berapakah bayaran pada bulan Februari?

- A RM2 280
- B RM2 000
- C RM1 920
- D RM1 200

Soalan 20 SPM 2010

**17.** Butir manakah direkodkan sebagai perbelanjaan dalam belanjawan tunai?

- A Susut nilai
- B Jualan tunai
- C Hutang lapuk
- D Bayar sewa kedai

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 294 - Soalan 24 SPM 2011

- 18.** Belanjawan tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

**Belanjawan Tunai**  
**Bagi Dua Bulan Berakhir 28 Februari 2011**

Butir	Januari	Februari
Baki b/b	RM 5 000	RM <b>Q</b>
Jualan	10 000	12 000
Pinjaman bank		5 000
	10 000	17 000
Belian	6 000	7 000
Sewa	500	500
	6 500	7 500
Baki h/b	<b>P</b>	<b>R</b>

Berapakah nilai **Q**?

- A** RM3 500
- B** RM5 000
- C** RM6 500
- D** RM8 500

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 295 - Soalan 21 SPM 2010

- 19.** Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

<b>Penyata Penyesuaian Bank pada 30 September 2012</b>		
	RM	RM
<b>R</b>		(200)
Tambah :		
Cek belum dikemukakan	1000	
Dividen	300	
		1300
		1 100
Tolak :		
Deposit belum dikreditkan	700	
Caj bank	20	
		720
<b>S</b>		380

Apakah **R** dan **S**?

	<b>R</b>	<b>S</b>
<b>A</b>	Baki debit di Buku Tunai	Baki debit di Penyata Bank
<b>B</b>	Baki debit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
<b>C</b>	Baki kredit di Penyata Bank	Baki kredit di Buku Tunai
<b>D</b>	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 289, 291 - Soalan 21 SPM 2012

- 20.** Antara yang berikut, yang manakah butir pembayaran dalam Belanjawan Tunai Kedai Buku Lestari?

- A** Modal tambahan
- B** Susut nilai mesin fotostat
- C** Faedah atas pinjaman bank
- D** Kutipan daripada penghutang

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 294 - Soalan 20 SPM 2013

21. Antara yang berikut, yang manakah fungsi penyediaan Belanjawan Tunai?

- I Mengukur kemampuan tunai perniagaan
  - II Sebagai alat kawalan aliran tunai perniagaan
  - III Jaminan perniagaan memperoleh pembiayaan bank
  - IV Membandingkan prestasi perniagaan semasa dengan yang lepas
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 294 - Soalan 19 SPM 2013

22. Apakah belanjawan tunai?

- A Buku rekod wang masuk dan keluar serta baki di tangan  
B Laporan wang yang diterima dan dibayar bagi tempoh tertentu  
C Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai untuk sesuatu tempoh  
D Jumlah hasil yang diterima dan belanja yang dibayar untuk mengurus perniagaan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 294 - Soalan 18 SPM 2014

23. Pilih butiran yang direkod dalam Buku Tunai yang menyebabkan berlakunya perbezaan antara baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank.

- I Pindahan kredit
  - II Faedah atas overdraf
  - III Cek belum dikemukakan
  - IV Deposit belum dikreditkan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 283, 284 - Soalan 19 SPM 2014

## **BAB 9: PERAKAUNAN UNTUK PENGGAJIAN**

1. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** kaedah pembayaran gaji?

- A Cek
- B Tunai
- C Bayaran automatik
- D Slip pindahan wang

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 314, 315 - Soalan 23 SPM 2012

2. Puan Zalikha menerima gaji pokok sebanyak RM5 000 sebulan. Elaun dan potongannya setiap bulan adalah seperti berikut:

	RM
Elaun perumahan	600
Elaun perjalanan	500
Caruman KWSP - majikan	732
Caruman KWSP - pekerja	671

Berapakah gaji bersihnya?

- A RM4 697
- B RM4 929
- C RM5 368
- D RM5 429

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 324, 325 - Soalan 21 SPM 2013

3. Pengurus manakah yang bertanggungjawab dalam mengurus hal penggajian dalam sesebuah organisasi?

- A Operasi
- B Kewangan
- C Pemasaran
- D Sumber manusia

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 316 - Soalan 20 SPM 2014

## BAB 10: PERKONGSIAN

1. Antara berikut, yang manakah menyebabkan pembubaran perkongsian?
- I Seorang daripada rakan kongsi diisyiharkan muflis
  - II Seorang daripada rakan kongsi telah meninggal dunia
  - III Mahkamah memerintahkan supaya perkongsian tersebut dibubarkan
  - IV Seorang daripada rakan kongsi mendapat kerugian daripada perkongsian tersebut
- A** I, II dan III  
**B** I, II dan IV  
**C** I, III dan IV  
**D** II, III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 338 - Soalan 26 SPM 2004

2. Antara berikut, yang manakah menunjukkan akaun semasa pekongsi yang tepat?

<b>Akaun Semasa Pekongsi</b>		
	RM	RM
Ambilan	100	Faedah atas ambilan
Gaji pekongsi	500	Faedah atas modal
Pembahagian rugi	200	Faedah atas pinjaman

<b>Akaun Semasa Pekongsi</b>		
	RM	RM
Ambilan	100	Faedah atas ambilan
Gaji pekongsi	500	Faedah atas modal
Faedah atas pinjaman (pekongsi)	50	Pembahagian rugi

<b>Akaun Semasa Pekongsi</b>		
	RM	RM
Gaji pekongsi	500	Faedah atas ambilan
Faedah atas modal	400	Ambilan
Faedah atas pinjaman (pekongsi)	50	Pembahagian rugi

<b>Akaun Semasa Pekongsi</b>		
	RM	RM
Ambilan	500	Gaji pekongsi
Faedah atas ambilan	400	Faedah atas modal
Pembahagian rugi	50	Faedah atas pinjaman (pekongsi)

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 343 - Soalan 27 SPM 2004

3. Apakah butiran yang direkodkan di sebelah debit dalam akaun semasa pekongsi?

- A** Gaji pekongsi
- B** Kongsi Untung
- C** Faedah Atas Modal
- D** Faedah Atas Ambilan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 343 - Soalan 28 SPM 2006

4. Ali adalah rakan kongsi di dalam satu perkongsian. Beliau menerima gaji tahunan sebanyak RM5 000. Pada pertengahan tahun, beliau telah dibayar gaji sebanyak RM3 000.

Antara catatan berikut, yang manakah merujuk kepada pernyataan di atas?

	<b>Debit</b>	<b>RM</b>	<b>Kredit</b>	<b>RM</b>
A	Akaun Pengasingan Untung Rugi	2 000	Akaun Semasa Ali	3 000
B	Akaun Pengasingan Untung Rugi	5 000	Akaun Semasa Ali	2 000
C	Akaun Pengasingan Untung Rugi	5 000	Akaun Modal Ali	3 000
D	Akaun Pengasingan Untung Rugi	3 000	Akaun Modal Ali	2 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 350 - Soalan 28 SPM 2004

5. Antara berikut, yang manakah terdapat dalam Kunci Kira-kira suatu perkongsian?

- I Aset Semasa
- II Liabiliti Bukan Semasa
- III Untung Bersih ahli kongsi;
- IV Akaun Semasa ahli kongsi

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 359 - Soalan 29 SPM 2004

6. Data 7 diperoleh daripada buku perkongsian Radzi dan Khalid pada 31 Disember 2004.

	<b>RM</b>
Untung bersih	4 000
Faedah atas ambilan	60
Faedah atas modal	1 500

**Data 7**

Untung atau rugi perkongsian dibahagi sama rata antara dua orang pekongsi tersebut.

Hitungkan bahagian untung setiap pekongsi itu.

- A RM1 220
- B RM1 280
- C RM2 560
- D RM2 720

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 357 - Soalan 26 SPM 2005

7. Jumlah aset sebuah perkongsian ialah RM38 000 dan jumlah liabilitinya ialah RM4 200. Dalam proses realisasi, semua aset direalis sebanyak RM32 000. Belanja realisasi berjumlah RM500.

Hitungkan rugi realisasi.

- A RM5 500
- B RM6 500
- C RM10 200
- D RM10 700

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 363 - Soalan 27 SPM 2005

8. Encik Rahim mengambil alih kenderaan bernilai RM16 000 apabila perkongsianya dibubarkan.  
Tentukan catatan di Jurnal Am yang betul bagi merekod pengambilalihan tersebut.

A

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan	16 000	
Realisasi		16 000

B

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Realisasi	16 000	
Kenderaan		16 000

C

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Realisasi	16 000	
Modal Rahim		16 000

D

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal Rahim	16 000	
Realisasi		16 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 363 - Soalan 28 SPM 2005

9. Apakah yang menyebabkan berlaku kurangan dalam akaun modal pekongsi?

- A Sumbangan modal pekongsi yang tinggi
- B Pekongsi membuat ambilan yang sedikit
- C Nilai aset yang diambil alih terlalu rendah
- D Pekongsi terpaksa menanggung rugi realisasi

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 370 - Soalan 29 SPM 2006

10. Yahya dan Fatimah adalah pekongsi dalam Perkongsian Yatim. Mereka berkongsi untung atau rugi dengan nisbah 2 : 1 . Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Yatim.

Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2006

	RM	RM	RM	RM
Faedah Atas Modal:				
Yahya	2 000		Untung bersih	12 000
Fatimah	1 000		Faedah atas ambilan	
		3 000	Yahya	50
Gaji Fatimah		6 000	Fatimah	70
				120

Hitung pembahagian untung atau rugi pekongsi.

A

	Yahya	Fatimah
A	Rugi RM1 040	Rugi RM2 080
B	Rugi RM2 080	Rugi RM1 040
C	Untung RM2 080	Untung RM1 040
D	Untung RM1 040	Untung RM2 080

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 356, 357 - Soalan 30 SPM 2006

- 11.** Maklumat berikut diperoleh daripada Akaun Semasa Stepheni.

	<b>RM</b>
Baki pada 1 Januari 2006	520
Faedah atas modal	840
Ambilan	1 200
Faedah atas ambilan	60
Kongsi untung	2 400

Berapakah baki akhir akaun tersebut?

- A** RM3 700
- B** RM2 500
- C** RM1 580
- D** RM1 460

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 343 - Soalan 25 SPM 2007

- 12.** Petikan Akaun Pengasingan Untung Rugi berikut diperoleh daripada perkongsian Ahmad dan Borhan. Mereka bersetuju membahagikan untung dan rugi mengikut nisbah 2 : 1 .

**Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2007**

	<b>RM</b>		<b>RM</b>
Faedah atas modal:		Untung bersih	
Ahmad	3 500		21 500
Borhan	3 000		
Kongsi untung:			
Ahmad			
Borhan			

Berapakah untung yang Ahmad peroleh?

- A** RM5 000
- B** RM10 000
- C** RM15 000
- D** RM21 500

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 356, 357 - Soalan 26 SPM 2007

- 13.** Pilih susunan yang betul tentang perekodan pembubaran perkongsian.

- I Membayar belanja realisasi
- II Menutup dan mengimbang Akaun Realisasi
- III Menutup dan memindahkan semua aset. (kecuali bank) ke Akaun Realisasi
- IV Merekod penerimaan daripada jualan aset dan bayaran daripada penghutang

- A** I, II, III, IV
- B** II, III, IV, I
- C** III, IV, I, II
- D** IV, I, II, III

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 361, 362 - Soalan 27 SPM 2007

- 14.** Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Aziz dan Azizah.

Modal Aziz pada 1 Januari 2007 ialah RM14 000. Pada 1 Julai 2007, Aziz membawa masuk modal tambahan sebanyak RM3 000. Faedah atas modal adalah 4% setahun. Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah faedah atas modal Aziz?

- A** RM120
- B** RM560
- C** RM620
- D** RM680

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 346, 347 - Soalan 26 SPM 2008

- 15.** Petikan Akaun Realisasi berikut diperoleh semasa pembubaran Perkongsian Nora dan Suri.

**Akaun Realisasi**

	2007	RM
Jan. 31	Pemutang	300
	(Diskaun diterima)	

Apakah yang dimaksudkan dengan catatan pada 31 Januari?

- A** Baki pemutang yang belum dijelaskan semasa pembubaran
- B** Menerima diskauan daripada pemutang kerana menjelaskan hutang semasa pembubaran
- C** Jumlah bayaran kepada pemutang semasa pembubaran selepas menolak diskauan tunai
- D** Jumlah bayaran yang dibuat kepada pemutang semasa pembubaran sebelum menolak diskauan diterima

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 362, 363, 367 - Soalan 27 SPM 2008

- 16.** Butiran manakah yang direkod di bahagian kredit Akaun Semasa pekongsi?

- A** Faedah atas pinjaman
- B** Faedah atas ambilan
- C** Kongsi rugi
- D** Ambilan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 343 - Soalan 26 SPM 2009

- 17.** Butiran manakah yang didebitkan ke Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A** Faedah atas modal, gaji pekongsi dan ambilan
- B** Faedah atas modal, gaji pekongsi dan bonus pekongsi
- C** Faedah atas pinjaman, gaji pekongsi dan untung bersih
- D** Faedah atas pinjaman, faedah atas ambilan dan bonus pekongsi

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 354, 356 - Soalan 27 SPM 2009

- 18.** Apakah butiran yang terdapat dalam ekuiti pemilik perkongsian?

- A** Ambilan
- B** Untung bersih
- C** Akaun semasa
- D** Faedah atas modal

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 358 - Soalan 22 SPM 2010

19. Butiran manakah yang terdapat dalam akaun semasa pekongsi?

- I Modal
  - II Gaji pekerja
  - III Faedah atas modal
  - IV Faedah atas ambilan
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 343 - Soalan 23 SPM 2010

20. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Mulia.

	RM
Modal Murni	30 000
Modal Alin	40 000
Faedah atas modal	5% setahun
Alin membawa masuk modal tambahan pada 1 Oktober 2009 sebanyak RM2 000.	

Berapakah jumlah faedah atas modal Alin bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2009?

- A** RM350  
**B** RM525  
**C** RM2 025  
**D** RM2 100

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 346, 347 - Soalan 24 SPM 2010

21. Akaun manakah yang tidak akan dipindahkan ke Akaun Realisasi?

- A** Akaun Stok  
**B** Akaun Bank  
**C** Akaun Perabot  
**D** Akaun Penghutang

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 362 - Soalan 25 SPM 2010

22. Apakah butiran yang **tidak** dimasukkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A** Faedah atas pinjaman  
**B** Faedah atas ambilan  
**C** Faedah atas modal  
**D** Gaji pekongsi

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 354 - Soalan 25 SPM 2011

23. Apakah butiran yang direkodkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A** Ambilan  
**B** Gaji terakru  
**C** Faedah atas ambilan  
**D** Faedah atas pinjaman

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 354 - Soalan 24 SPM 2012

24. Akaun Realisasi berikut diperoleh daripada buku sebuah perniagaan.

Akaun Realisasi		RM
	Bank	1 000

Urus niaga manakah yang merujuk kepada catatan tersebut?

- A Pembayaran kepada pemutang
- B Perolehan daripada penjualan perabot
- C Penerimaan diskau kerana menjelaskan hutang
- D Pembayaran belanja realisasi

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 363 - Soalan 26 SPM 2011

25. Maklumat berikut diperoleh daripada buku sebuah perkongsian.

	RM
Jumlah aset	45 000
Jumlah liabiliti	8 400

Dalam proses pembubaran, semua aset dijual sebanyak RM42 000. Belanja realisasi RM850 manakala liabiliti dijelaskan sepenuhnya.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM2 150
- B RM3 850
- C RM4 550
- D RM5 400

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 363 - Soalan 27 SPM 2011

26. Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh perkongsian sekiranya tiada sebarang perjanjian dibuat semasa menubuhkan perniagaan mereka?

- A Ikatan Perkongsian
- B Perjanjian Perkongsian
- C Akta Perkongsian 1961
- D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 339 - Soalan 25 SPM 2012

27. Butiran manakah yang **tidak** terdapat dalam akaun semasa perkongsian?

- A Modal
- B Ambilan
- C Faedah atas modal
- D Faedah atas ambilan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 343 - Soalan 26 SPM 2012

- 28.** Yahya dan Musa merupakan rakan kongsi dalam Perkongsian Muafakat. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan mereka pada 31 Disember 2011.

	RM
Gaji tahunan Yahya	8 000
Gaji belum dibayar kepada Yahya	5 000

Berapakah gaji yang direkod dalam Akaun Semasa Yahya?

- A** RM3 000
- B** RM5 000
- C** RM8000
- D** RM13 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 350 - Soalan 27 SPM 2012

- 29.** Ruangan Ekuiti Pemilik dalam Kunci Kira-kira perkongsian mencatatkan

- I ambilan rakan kongsi
- II keuntungan rakan kongsi
- III akaun modal rakan kongsi
- IV akaun semasa rakan kongsi

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 358 - Soalan 32 SPM 2012

- 30.** Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Two Ah yang dimiliki oleh Ahmad dan Ah Seng.

	RM
Untung bersih	15 800
Faedah atas modal	1 200
Faedah atas ambilan	2 300
Untung dibahagi sama rata	

Berapakah kongsi untung bagi setiap pekongsi?

- A** RM6 150
- B** RM7 350
- C** RM8 450
- D** RM9 650

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 356, 357 - Soalan 22 SPM 2013

- 31.** Butir manakah yang dicatat di bahagian Ekuiti Pemilik Kunci Kira-kira sebuah perniagaan perkongsian?

- A** Untung bersih
- B** Modal tambahan
- C** Pinjaman pekongsi
- D** Akaun Semasa pekongsi

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 358 - Soalan 23 SPM 2013

**32.** Apakah kesan terhadap perniagaan jika salah seorang rakan kongsi meninggal dunia?

- A Perlu dibubarkan
- B Boleh diambil alih oleh waris si mati
- C Boleh diteruskan oleh rakan kongsi yang sedia ada
- D Perlu menukar milikan perniagaan kepada milikan tunggal

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 338 - Soalan 24 SPM 2013

**33.** Butir manakah yang direkod di sebelah kredit Akaun Semasa pekongsi?

- I Faedah atas ambilan
  - II Faedah atas modal
  - III Gaji pekongsi
  - IV Kongsi rugi
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 343 - Soalan 25 SPM 2013

**34.** Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri sebuah milikan perkongsian?

- A Hayat perniagaan tamat apabila salah seorang pekongsi meninggal dunia
- B Bilangan ahli maksimum 20 orang bagi semua jenis perkongsian
- C Keuntungan diagihkan kepada pekongsi dalam bentuk dividen
- D Cukai dikenakan ke atas pendapatan perniagaan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 338 - Soalan 21 SPM 2014

**35.** Kenderaan diambil alih oleh pekongsi semasa pembubaruan.

Apakah akaun yang terlibat kesan daripada urus niaga di atas?

	Debit	Kredit
A	Akaun Kenderaan	Akaun Realisasi
B	Akaun Realisasi	Akaun Kenderaan
C	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Realisasi
D	Akaun Realisasi	Akaun Modal Pekongsi

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 362 - Soalan 22 SPM 2014

**36.** Pernyataan manakah yang menyebabkan akaun modal berbaki debit pada tarikh pembubaruan?

- I Ambilan yang banyak
  - II Sumbangan modal yang besar
  - III Nilai aset yang diambil alih rendah
  - IV Rugi realisasi melebihi jumlah modal
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 370 - Soalan 25 SPM 2014

37. Perkongsian Tania dan Rania memberikan maklumat berikut pada 30 September 2014.

	Tania <b>RM</b>
Kongsi untung	8 000
Ambilan	1 500
Faedah atas modal	4 000

Berapakah baki akhir Akaun Semasa Tania?

- A** RM2 500
- B** RM5 500
- C** RM10 500
- D** RM13 500

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 343- Soalan 23 SPM 2014

38. Jadual berikut menunjukkan ambilan yang dilakukan oleh rakan kongsi Perkongsian ADNI yang berkongsi untung atau rugi secara sama rata.

<b>Nama</b>	<b>Tarikh Ambilan</b>	
	<b>1 April 2013</b>	<b>1 Julai 2013</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Adnan	1000	300
Sani	1800	-
<b>Maklumat tambahan:</b>		
Faedah atas ambilan 10 % setahun		
Tempoh perakaunan 1 Januari - 31 Disember		

Berapakah faedah atas ambilan setiap rakan kongsi?

	<b>Adnan</b>	<b>Sani</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>A</b>	180	130
<b>B</b>	130	180
<b>C</b>	90	135
<b>D</b>	135	90

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 347, 348 - Soalan 24 SPM 2014

## **BAB 11: SYARIKAT BERHAD**

1. Modal dibenarkan bagi Syarikat Nilam Sari Berhad terdiri daripada 2 000 000 saham biasa bernilai RM1 setiap unit. Syarikat ini telah menerbitkan 1 500 000 saham biasa kepada orang awam pada nilai tara. Semua saham yang diterbitkan telah dipohon beli dan berbayar.

Hitungkan modal berbayar Syarikat Nilam Sari Berhad.

- A RM500 000
- B RM1 500 000
- C RM2 000 000
- D RM4 500 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 395, 396 - Soalan 30 SPM 2004

2. Antara pernyataan berikut, yang manakah **bukan** ciri-ciri syarikat awam berhad?

- A Modal terdiri daripada saham yang dipegang oleh pemiliknya
- B Ditubuhkan sebagai satu badan yang berasingan daripada pemiliknya
- C Keuntungan diagihkan di antara pemegang saham dalam bentuk dividen
- D Bilangan pemegang saham adalah di antara 2 hingga 50 orang

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 390 - Soalan 31 SPM 2004

3. Pada 1 April 2003, Anand telah membeli 2 000 unit 6% syer keutamaan RM2 seunit daripada Syarikat Maya Berhad. Lembaga Pengarah syarikat telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- (i). membayar dividen interim 2% pada 1 Oktober 2003
- (ii). mengisyiharkan dividen akhir pada 31 Mac 2004

Hitungkan jumlah dividen akhir yang akan diterima oleh Anand.

- A RM80
- B RM120
- C RM160
- D RM240

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 406 - Soalan 32 SPM 2004

4. Antara berikut, pernyataan manakah **benar** tentang syarikat awam berhad?

- I Saham disenaraikan di bursa saham
- II Saham diterbitkan kepada orang ramai
- III Saham tidak boleh dipindah milik dengan bebas
- IV Bilangan pemegang saham antara 2 hingga 50 orang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 390 - Soalan 29 SPM 2005

5. Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Jaya Berhad.

**Modal Berdaftar:**

35 000 unit 10% saham keutamaan RM2 sesaham  
50 000 unit saham biasa RM1 sesaham

Lembaga Pengarah membuat keputusan untuk menerbitkan separuh saham keutamaannya dan 30 000 unit saham biasa. Hitungkan modal belum diterbitkan.

- A RM50 000
- B RM55 000
- C RM65 000
- D RM70 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 395 - Soalan 30 SPM 2005

6. Antara berikut, jenis modal yang manakah disenaraikan di bawah Ekuiti Pemilik?

- I Modal belum diterbitkan
  - II Modal dibenarkan
  - III Modal diterbitkan
  - IV Modal berbayar
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 409 - Soalan 31 SPM 2005

7. Data 8 diperoleh daripada Syarikat Teratai Berhad pada 31 Mei 2005.

<b>Modal dibenarkan:</b>	<b>RM</b>
3 000 000 unit 10% saham keutamaan RM1 sesaham	3 000 000
5 000 000 unit saham biasa RM0.50 sesaham	2 500 000
	5 500 000
<b>Modal diterbitkan dan berbayar:</b>	<b>RM</b>
800 000 unit 10% saham keutamaan	800 000
P	1 500 000
	2 300 000

**Data 8**

Nyatakan P?

- A 1 500 000 unit saham biasa RM1 sesaham
- B 3 000 000 unit saham biasa RM0.50 sesaham
- C 1 500 000 unit 10% saham keutamaan RM1 sesaham
- D 3 000 000 unit 10% saham keutamaan RM0.50 sesaham

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 409 - Soalan 32 SPM 2005

8. Modal yang dinyatakan dalam Tatawujud Syarikat ialah

- A modal berbayar
- B modal diterbitkan
- C modal dibenarkan
- D modal belum diterbitkan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 391 - Soalan 31 SPM 2006

9. Berikut ialah petikan Kunci Kira-kira Syarikat Harmoni Berhad pada 31 Disember 2005.

**Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2005**

<b>EKUITI PEMILIK</b>		<b>RM</b>
<b>X</b>		<b>RM</b>
500 000 8 % saham keutamaan RM2.00 sesaham		1 000 000
4 000 000 saham biasa RM1.00 sesaham		4 000 000
		<u>5 000 000</u>
<b>Y</b>		
400 000 8 % saham keutamaan RM2.00 sesaham		800 000
2 000 000 saham biasa RM1.00 sesaham		2 000 000
		<u>2 800 000</u>

	<b>X</b>	<b>Y</b>
<b>A</b>	Modal dibenar	Modal belum diterbitkan
<b>B</b>	Modal berbayar	Modal dibenarkan
<b>C</b>	Modal dibenar	Modal diterbitkan dan berbayar penuh
<b>D</b>	Modal diterbitkan dan berbayar penuh	Modal diterbitkan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 409 - Soalan 32 SPM 2006

10. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Perkasa Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2005.

**700 000 unit saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.**

**300 000 unit 6% saham keutamaan bernilai RM1.00 sesaham.**

**Lembaga Pengarah mengisyiharkan dividen saham biasa sebanyak 25 sen sesaham.**

Berapakah jumlah dividen saham biasa?

- A** RM1 000 000
- B** RM700 000
- C** RM400 000
- D** RM175 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 405 - Soalan 33 SPM 2006

11. Apakah bentuk keuntungan syarikat berhad yang akan diagihkan kepada pemegang sahamnya?

- A** Bonus
- B** Faedah
- C** Komisen
- D** Dividen

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 403 - Soalan 29 SPM 2008

12. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan modal berdaftar?

- I Modal yang dinyatakan dalam Tatawujud Syarikat
  - II Jumlah modal maksimum boleh diterbitkan
  - III Modal dibenarkan
  - IV Modal berbayar
- A** I, II, dan III
  - B** I, II, dan IV
  - C** I, III, dan IV
  - D** II, III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 394 - Soalan 28 SPM 2007


- 13.** Modal dibenarkan bagi Syarikat Jaya Berhad terdiri daripada 2 500 000 unit saham biasa bernilai RM0.80 sesaham. Syarikat telah menerbitkan 1 800 000 unit saham biasa kepada orang awam pada nilai tara dan berbayar penuh.

Berapakah modal belum diterbitkan?

- A** RM560 000
- B** RM1 440 000
- C** RM2 000 000
- D** RM3 440 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 395 - Soalan 29 SPM 2007

- 14.** Rajah 1 menunjukkan jenis modal syarikat berhad.



Rajah 1

Apakah X dan Y?

	X	Y
<b>A</b>	Modal Diterbitkan	Modal Belum Diterbitkan
<b>B</b>	Modal Diterbitkan	Modal Berdaftar
<b>C</b>	Modal Belum Diterbitkan	Modal Diterbitkan
<b>D</b>	Modal Berdaftar	Modal Belum Diterbitkan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 394 - Soalan 28 SPM 2008

- 15.** Apakah jenis keuntungan yang diagihkan kepada pemegang saham syarikat?

- A** Faedah
- B** Debentur
- C** Dividen
- D** Bonus

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 403 - Soalan 28 SPM 2009

- 16.** Pada 13 Mac 2007, Syarikat Cermin Berhad menerbitkan 1 000 000 saham biasa RM1.00 sesaham kepada orang ramai pada nilai tara. Pemohon dikehendaki membayar penuh semasa permohonan. Pada tarikh tutup permohonan 27 Mac 2007, jumlah wang yang diterima RM1 000 000.

Pilih catatan yang tepat untuk merekod urus niaga pada 27 Mac 2007.

	Debit	Kredit
<b>A</b>	Modal Saham Biasa	Bank
<b>B</b>	Modal Saham Biasa	Permohonan
<b>C</b>	Permohonan	Bank
<b>D</b>	Bank	Permohonan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 398 - Soalan 30 SPM 2008

**17.** Apakah jenis modal yang dinyatakan dalam Tatawujud Syarikat?

- A** Modal Berdaftar
- B** Modal Berbayar
- C** Modal Diterbitkan
- D** Modal Belum Diterbitkan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 391 - Soalan 26 SPM 2010

**18.** Pernyataan manakah yang menerangkan ciri saham biasa?

- A** Kadar dividen tidak tetap
- B** Dividen dibayar terlebih dahulu
- C** Berhak menerima tunggakan dividen
- D** Kadar dividen dinyatakan dalam Tatawujud Syarikat

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 397 - Soalan 27 SPM 2010

**19.** Maklumat berikut berkaitan dengan modal saham biasa Syarikat Wawasan Berhad.

Modal Dibenarkan	Modal Diterbitkan	Nilai Tara Sesaham
1 000 000 unit	750 000 unit	RM0.50

Berapakah jumlah modal berbayar?

- A** RM125 000
- B** RM375 000
- C** RM500 000
- D** RM875 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 395, 396 - Soalan 28 SPM 2010

**20.** Apakah modal yang dinyatakan dalam Tatawujud Syarikat?

- A** Modal dibenarkan
- B** Modal diterbitkan
- C** Modal berbayar
- D** Modal belum diterbitkan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 391 - Soalan 28 SPM 2011

**21.** Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Nilam Zamrud Berhad.

- Modal berbayar terdiri daripada 200 000 unit 6% saham keutamaan bernilai RM1.00 sesaham.
- Pada 1 Julai 2009 syarikat telah mengisytiharkan dividen saham keutamaan pada kadar 4%.
- Bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen akhir saham keutamaan.

Berapakah dividen akhir?

- A** RM4 000
- B** RM8 000
- C** RM12 000
- D** RM20 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 406 - Soalan 29 SPM 2010

22. Berikut adalah petikan Kunci Kira-kira Syarikat Nuri Berhad pada 31 Disember 2009.

<b>Kunci Kira-kira Syarikat Nuri Berhad Pada 31 Disember 2009</b>		
	Modal didaftarkan 5 000 000 unit 5% saham keutamaan RM1 sesaham 1 500 000 unit saham biasa RM1 sesaham	RM 500 000 1 500 000 <hr/> 2 000 000
	Modal diterbitkan 200 000 unit 5% saham keutamaan RM1 sesaham 1 000 000 unit saham biasa RM1 sesaham	200 000 1 000 000 <hr/> 1 200 000

Berapakah modal belum diterbitkan saham biasa?

- A RM300 000
- B RM500 000
- C RM800 000
- D RM1 000 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 395 - Soalan 30 SPM 2010

23. Pernyataan manakah yang menerangkan ciri saham biasa?

- A Boleh menerima dividen tertunggak
- B Kadar dividen bergantung kepada keuntungan syarikat
- C Tuntutan ke atas aset didahulukan jika berlaku pembubaran
- D Pemegang saham tidak berhak mengundi dalam mesyuarat agung

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 397 - Soalan 29 SPM 2011


24. Modal Berdaftar Syarikat Hidayah Berhad terdiri daripada 1 000 000 unit saham biasa dengan nilai tara RM1.00 sesaham. Syarikat menerbitkan 600 000 unit saham biasa.

Berapakah modal yang belum diterbitkan?

- A RM400 000
- B RM600 000
- C RM1 000 000
- D RM1 600 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 395 - Soalan 30 SPM 2011

25. Rajah 1 menunjukkan modal Syarikat Wawasan Berhad yang telah ditubuhkan pada 1 Mac 2011.



Rajah 1

Berapakah T?

- A RM1 500 000
- B RM3 500 000
- C RM5 000 000
- D RM8 500 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 396 - Soalan 28 SPM 2012

26. Maklumat berikut berkaitan dengan modal saham Syarikat Arina Berhad.

Saham	Modal Diterbitkan	Modal Belum Diterbitkan
Saham biasa	RM 1 000 000	RM 500 000
Saham Keutamaan	400 000	100 000

Berapakah jumlah modal dibenarkan?

- A RM2 000 000
- B RM1 500 000
- C RM1 400 000
- D RM600 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 394 - Soalan 29 SPM 2012

27. Maklumat berikut berkaitan saham yang dibeli oleh Encik Malik.

Pada 1 Januari 2012, Encik Malik telah membeli 20 000 unit 8% saham keutamaan RM2 sesaham. Pada 31 Julai 2012 lembaga pengarah telah mengisytiharkan dividen interim saham keutamaan 5%.

Berapakah dividen akhir?

- A RM5 200
- B RM3 200
- C RM2 000
- D RM1 200

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 406 - Soalan 26 SPM 2013

28. Maklumat berikut berkaitan modal Yakin Juara Berhad.

<u>Modal didaftarkan</u>
5 000 000 saham biasa RM1 setiap satu
2 500 000 8 % saham keutamaan RM2 setiap satu
<u>Modal diterbitkan</u>
1 500 000 saham biasa RM1 setiap satu
1 500 000 8 % saham keutamaan RM2 setiap satu
Semua saham yang diterbit telah dilangan dan dibayar penuh.

Berapakah nilai modal yang diterbitkan?

- A RM3 000 000
- B RM4 500 000
- C RM7 500 000
- D RM10 000 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 395 - Soalan 27 SPM 2013

29. Pernyataan manakah yang betul tentang ciri saham biasa dan saham keutamaan?

	Saham Biasa	Saham Keutamaan
A	Kadar dividen tetap	Kadar dividen berubah
B	Dividen dibayar sebelum saham keutamaan	Dividen dibayar selepas saham biasa
C	Pemegang saham berhak mengundi dalam mesyuarat agung syarikat	Pemegang saham tidak berhak mengundi dalam mesyuarat agung syarikat
D	Tuntutan ke atas aset didahulukan jika syarikat dibubarkan	Tuntutan ke atas aset dikemudiankan jika syarikat dibubarkan

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 397 - Soalan 28 SPM 2013

30. Antara yang berikut, yang manakah ciri syarikat awam berhad?

- I. Bilangan pemegang saham terdiri daripada 2 hingga 50 orang
- II. Notis mesyuarat agung perlu diumumkan kepada orang awam
- III. Saham ditawarkan kepada orang awam, entiti perniagaan dan persatuan
- IV. Laporan kewangan perlu dibentang kepada pemegang saham tetapi tidak kepada orang awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 390 - Soalan 27 SPM 2014

31. Apakah dokumen yang mengandungi peraturan dalaman syarikat bagi sebuah syarikat berhad?

- A Prospektus
- B Tataurus Syarikat
- C Tatawujud Syarikat
- D Sijil Penubuhan Syarikat

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 391 - Soalan 28 SPM 2014

32. Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri pemegang saham keutamaan?

- A Mempunyai hak mengundi
- B Mendapat dividen dengan kadar yang tetap
- C Tidak berhak menerima dividen tertunggak
- D Berpeluang menentukan polisi dan pengurusan syarikat

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 397 - Soalan 29 SPM 2014

33. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Syarikat Nain Berhad.

Modal dibenarkan 1 000 000 unit saham biasa RM1 seunit
Modal diterbitkan 300 000 unit saham biasa RM1 seunit

Semua saham yang diterbitkan dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah modal yang belum diterbitkan?

- A RM300 000
- B RM700 000
- C RM1 000 000
- D RM 1 300 000

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 395 - Soalan 30 SPM 2014

## BAB 12: KELAB DAN PERSATUAN

1. Data 6 menunjukkan aset dan liabiliti Kelab Damai pada 1 Januari 2003 dan 31 Disember 2003.

	1 Januari 2003	31 Disember 2003
<b>Aset</b>	RM	RM
Tunai	1 150	1 200
Perabot	4 500	4 000
Yuran tertunggak	70	70
Stok minuman	1 500	1 100
	7 220	6 370
<b>Liabiliti</b>		
Yuran terdahulu	110	50
Kadar bayaran terakru	55	15
	165	65

**Data 6**

Hitungkan dana terkumpul awal Kelab Damai.

- A** RM6 265
- B** RM6 660
- C** RM7 055
- D** RM7 220

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 436 - Soalan 33 SPM 2004

2. Data 7 diperoleh daripada buku Kelab Rekreasi Mesra.

	<b>RM</b>
Stok restoran 1 Januari 2003	3 550
Stok restoran 31 Disember 2003	8 750
Jualan	17 520
Belian	8 120
Upah restoran	2 500

**Data 7**

Hitungkan untung minuman bagi kelab itu.

- A** RM14 600
- B** RM12 100
- C** RM11 100
- D** RM9 400

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 433 - Soalan 34 SPM 2004

3. Apakah rumus yang tepat bagi pengiraan dana terkumpul?

- A** Aset - Liabiliti
- B** Aset + Liabiliti
- C** Aset Semasa - Liabiliti Semasa
- D** Aset Semasa + Liabiliti Semasa

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 436 - Soalan 36 SPM 2006

4. Maklumat di bawah diperoleh daripada buku Kelab Setia pada 31 Disember 2003.

**Akaun Penerimaan dan Pembayaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003**

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran	2 550		

Maklumat tambahan:

- (i) Yuran tertunggak pada 31 Disember 2003 ialah RM120
- (ii) Yuran yang diterima termasuk RM250 untuk tahun 2004

Hitungkan jumlah yuran bagi tahun 2003.

- A** RM2 420
- B** RM2 550
- C** RM2 680
- D** RM2 920

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 428 - Soalan 35 SPM 2004

5. Berikut ialah Akaun Yuran Kelab Kancil yang tidak lengkap.

**Akaun Yuran**

2005	RM	2005	RM
Feb. 29 Baki h/b	100	Feb. 29 Tunai	8 200
Baki h/b	300		

Hitungkan yuran bagi tahun berakhir 29 Februari 2005.

- A** RM8 200
- B** RM8 400
- C** RM8 500
- D** RM8 600

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 426, 427 - Soalan 33 SPM 2005

6. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Sahabat Alam.

<b>Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2005.</b>		
	<b>RM</b>	
Penerimaan:		
Yuran	3 640	
Maklumat tambahan:		
i)	Yuran tertunggak pada 1 Januari 2005 ialah RM420.	
ii)	Yuran terdahulu pada 31 Disember 2005 ialah RM180.	

Hitung jumlah yuran yang akan direkodkan dalam akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2005.

- A** RM3 040
- B** RM3 400
- C** RM3 640
- D** RM3 940

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 426, 427 - Soalan 34 SPM 2006

7. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Usahawan Muda Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bestari, Selangor.

Penghutang	1 Jan 2005	31 Dis 2005
	RM1 600	RM2 400
Maklumat tambahan:		
i) Jualan tunai sepanjang tahun RM3 500		
ii) Kutipan daripada penghutang sepanjang tahun RM4 650		

Hitung jumlah jualan kelab tersebut bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

- A RM7 350
- B RM8 650
- C RM8 150
- D RM8 950

Rujukan jawapan: buku teks m.s. 432 - Soalan 35 SPM 2006

8. Kelab Kesenian dan Warisan telah mengadakan pertunjukan fesyen untuk mengutip derma bagi menambahkan tabung kelab. Pertunjukan tersebut telah berjaya mengumpulkan sebanyak RM14 700 daripada orang ramai.

Pilih catatan yang tepat dalam petikan Penyata Kewangan.

<b>A Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan</b>		
	RM	
Derma 14 700		
<b>B Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan</b>		
Derma	RM	
14 700		
<b>C Akaun Perdagangan</b>		
	RM	
Derma 14 700		
